

03 FEB 2003

Sekolah-B.Inggeris/I

PENGGUNAAN B.INGGERIS UNTUK MENGAJAR SAINS, MATEMATIK DITERIMA BAIK

IPOH, 3 Feb (Bernama) -- Maklumat balas yang diterima oleh kesatuan perguruan menunjukkan penggunaan bahasa Inggeris bagi pengajaran Sains dan Matematik diterima baik oleh para pelajar yang lebih bersemangat untuk mempelajari kedua-dua mata pelajaran itu berbanding sebelumnya.

Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Guru-guru Dalam Perkhidmatan Pendidikan, Shahul Hamid Mydin Shah berkata kini terdapat kecenderungan bagi para pelajar untuk belajar dan lebih memberikan perhatian kepada kedua-dua mata pelajaran berkenaan berbanding mata pelajaran lain.

"Sebelum ini, kami tahu pelajar-pelajar tidak begitu berminat untuk mempelajari Sains dan Matematik tetapi perkara ini sudah terbalik. Sebenarnya kini kami fikir pertukaran kepada bahasa Inggeris sepatutnya dilakukan sejak dahulu lagi," katanya ketika dihubungi hari ini.

Shahul Hamid berkata antara sebab yang menyumbang kepada kesan positif itu ialah penggunaan kemudahan multimedia seperti laptop, komputer, CD Rom dan LCD.

Begitu juga guru-guru yang turut gembira dan amat berminat untuk mengajar dalam bahasa Inggeris, kata beliau.

Beliau berkata pada peringkat awal, kongres berkenaan bimbang akan timbul beberapa masalah berikutan pertukaran itu tetapi maklumat balas yang diterima sejak sebulan lepas menunjukkan kedua-dua guru dan pelajar menyesuaikan diri dengan baik terhadap perubahan itu.

Banyak keraguan timbul semasa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan bahawa kerajaan memutuskan bahawa kedua-dua mata pelajaran itu diajar dalam bahasa Inggeris secara berperingkat bermula dengan Tahun Satu, Tingkatan Satu dan Enam Rendah.

Shahul Hamid berkata tiada rungutan besar yang diterima daripada guru-guru melainkan beberapa masalah berkaitan masa yang diambil untuk memasang komputer tetapi beliau yakin ia akan dapat diselesaikan tidak lama lagi.

Beliau berkata guru-guru mampu menghadapi situasi itu memandangkan mereka telah menjalani kursus-kursus sejak beberapa bulan lepas di mana mereka diajar cara-cara mengendalikan laptop dan peralatan multimedia yang lain.

"Guru-guru gembira dengan pertukaran itu sungguhpun mereka terpaksa menghadapi beberapa masalah dengan perbendaharaan yang terhad. Ini bukanlah satu masalah yang besar memandangkan mereka kini lebih kepada penyelarasan dan masih menggunakan bahasa ibunda serta bahasa Malaysia untuk memberikan penjelasan apabila perlu," kata beliau lagi.

Shahul Hamid, yang juga presiden Kesatuan Guru-guru Sekolah Tamil berkata langkah itu juga diterima baik di 524 sekolah Tamil di seluruh negara.

Beliau berkata guru-guru sekolah Tamil merasa seronok dengan peralatan pengajaran moden dan kemudahan multimedia yang sedia ada seperti laptop dan LCD yang sebelum ini terbatas kepada sekolah-sekolah di bawah konsep "Sekolah Pintar."

"Ada masanya sekolah-sekolah Tamil langsung tidak dapat membayangkan untuk memperolehi kemudahan seperti ini. Tetapi kini mereka setanding dengan sekolah-sekolah pintar dan ini merupakan insentif yang besar kepada guru-guru serta para pelajar," kata beliau lagi.

Namun begitu, beliau berkata sekolah-sekolah juga menghadapi kelewatan dalam mendapatkan lembaran kerja dan buku-buku teks sehingga minggu lepas

tetapi masalah itu telahpun diselesaikan oleh pihak kementerian.

Mengenai aduan terdapat sekolah-sekolah yang tidak dapat menggunakan kemudahan multimedia berikutan ketiadaan kemudahan bekalan elektrik, Shahul Hamid berkata kementerian akan meneliti perkara itu dan menyediakan janakuasa secepat mungkin agar pengajaran boleh diteruskan.

-- BERNAMA

AR ROS